Setelah mengambil tempat, calon dikehendaki:

- i) Meletakkan kad matrik pelajar/kad pengenalan dan slip peperiksaan di sudut atas sebelah kanan meja.
- ii) Melengkapkan borang kehadiran dan meletakkannya di sudut atas sebelah kanan meja.
- iii) Melengkapkan maklumat yang diminta dalam kertas peperiksaan.

### **Perhubungan Dengan Rakan/Pengawas**

Calon tidak dibenarkan berhubung dengan calon-calon lain semasa peperiksaan sama ada melalui percakapan atau cara yang lain. Jika seseorang calon ingin berhubung dengan seseorang pengawas, pelajar tersebut hendaklah memberi isyarat dengan mengangkat tangan.

Calon tidak dibenarkan mendedahkan kertas jawapan yang ditulis kepada calon lain. Jika didapati ada calon yang meniru daripada calon yang lain atau memberi peluang kepada calon lain untuk meniru atau berhubung dengan calon lain semasa peperiksaan berlangsung, kertas jawapan calon akan dibatalkan dan tidak diterima bagi peperiksaan tersebut.

Calon yang telah dibatalkan keputusannya atas sebab-sebab yang dinyatakan di atas, mungkin tidak dibenarkan lagi mengambil peperiksaan yang seterusnya.

Calon yang didapati memberi atau cuba mendapatkan pertolongan atau didapati melakukan sebarang perbuatan yang tidak jujur, akan diadukan kepada Jawatankuasa Peperiksaan dan boleh menyebabkan calon disingkirkan daripada dewan peperiksaan dan tidak dibenarkan meneruskan peperiksaan bagi kertas-kertas seterusnya.

### **Makan**

Calon tidak dibenarkan makan semasa peperiksaan dijalankan.

### **Permulaan Dan Penamatan Peperiksaan**

Ketua Pengawas/pengawas akan mengumumkan masa ‘mula’ dan ‘tamat’ sesebuah peperiksaan.

### **Keluar dari Dewan Peperiksaan**

Calon dibenarkan meninggalkan dewan peperiksaan sekiranya:

- i) peperiksaan telah berjalan selama 30 minit.
- ii) hendak ke tandas dengan keizinan ketua pengawas/pengawas

Calon tidak dibenarkan meninggalkan dewan peperiksaan lima belas (15) minit sebelum peperiksaan tamat.

### **Skrip Jawapan**

Calon hendaklah mengikat skrip jawapan peperiksaan dengan tertib dan kemas dan meletakkannya di sudut atas sebelah kanan meja untuk dikutip oleh pengawas.

### **Calon Sakit**

Calon yang jatuh sakit atau uzur ketika peperiksaan sedang dijalankan hendaklah melaporkannya kepada ketua pengawas atau pengawas yang bertugas.

### **Selepas Tamat Peperiksaan**

Calon tidak dibenarkan keluar dari dewan peperiksaan sehingga diberitahu oleh ketua pegawas/pengawas.

Calon dikehendaki mengambil semula kad matrik pelajar/kad pengenalan dan slip peperiksaan masing-masing.

Calon dikehendaki meninggalkan dewan peperiksaan dengan sopan dan teratur.

Calon dilarang membawa keluar dari dewan peperiksaan kertas soalan peperiksaan, dan kertas jawapan peperiksaan sama ada yang masih kosong atau yang telah digunakan.

Calon yang didapati melanggar Peraturan Peperiksaan atau melakukan kekacauan di dalam atau berhampiran dewan peperiksaan boleh disingkir daripada keseluruhan peperiksaan.

### ***Entering the Examination Hall***

*Candidates are permitted to enter the examination hall fifteen (15) minutes before the examination begins and are advised to sit quietly and orderly. Kindly check the seat number based on the announcement / master list shown outside of the examination hall.*

### ***Filling in Required Information***

*After seated, candidates are required to:*

- i) place student's matric card / identity card and exam slip on the top right corner of the desk.
- ii) Complete the attendance form and place it on the top right corner of the desk.
- iii) Complete all required information as required in the examination paper.

### ***Contact with Friends/Invigilator***

*Candidates are not allowed to interact with other candidates during examination, either through conversations or by any other means. If a candidate wishes to communicate with any invigilators, he/she shall alert the invigilator by raising his/her hand.*

*Candidates are not allowed to expose their answer sheet. If the candidate has duplicated from another candidate or given another candidate the opportunity to copy from him/her or make contact with another candidate during the examination, the candidate's answer sheet will be considered void.*

*Candidates who have been denied their examination results based on the above, may not be allowed to sit for the following papers.*

*Candidates who are found to give or seek help or are found to be dishonest, will be referred to the Examination Committee and may cause the candidate to leave the examination hall and not allowed to continue the examination for the following papers*

### ***Eating***

*Candidates are not allowed to eat during the examination*

### ***Beginning and Ending of Examination***

*The Chief Invigilator / invigilators will make an announcement when the examination begins and ends.*

#### ***Exiting the Exam Hall***

A candidate is allowed to leave the examination hall only:

- i) after 30 minutes since the examination began.
- ii) for toilet breaks with the permission of the Chief Invigilator/ invigilators

Candidates are not allowed to leave the examination hall during the last fifteen (15) minutes

#### ***Answer Script***

Candidates must bind/staple the exam scripts orderly and neatly and place them at the top right corner of the desk to be collected by the invigilators.

#### ***Unhealthy Candidates***

Candidates who feel unhealthy during the examination are required to immediately report to the Chief Invigilators or invigilators in charge.

#### ***After the Examination has Ended***

Candidates are not allowed to leave the examination hall until informed by the Chief Invigilator / invigilators.

Candidates are required to bring with them their student matric card / identity card and examination slip.

Candidates are required to leave the examination hall in an orderly manner.

Candidates are prohibited from bringing any examination paper and used or unused papers out from the examination hall.

Candidates who are found to have violated the Examination Regulations or caused chaos in or near the examination halls may be removed from the entire examination.

\* Tertakluk kepada pindaan dan perubahan dari semasa ke semasa.

\* *Subject to changes or amendments from time to time*

## **KOD ETIKA: GANGGUAN SEKSUAL**

### ***Code of Ethics: Sexual Harassment***

Gangguan seksual bermaksud sebarang tingkah laku berunsur seksual yang tidak diingini, tidak disenangi dan memberi kesan sebagai satu gangguan sama ada secara fizikal, lisan, bukan lisan, visual, atau psikologi:

- a. yang atas sebab yang munasabah, yang dianggap oleh pengadu sebagai syarat berbentuk seksual ke atas pekerjaan atau pembelajaran arannya; atau
- b. yang atas sebab yang munasabah, boleh dianggap oleh Pengadu sebagai satu pencabulan maruah, atau penghinaan atau ancaman terhadap dirinya tetapi tiada hubungan terus ke atas pekerjaan atau pembelajarannya; dan (c) gangguan seksual boleh berlaku sekali atau berulang kali.

Gangguan seksual dalam konteks ini diklasifikasikan seperti yang berikut:

- a. Gangguan seksual berbentuk balasan atau quid pro quo
- b. Merujuk kepada gangguan berbentuk seksual, permintaan memberikan ganjaran seksual (sexual favour), atau perbuatan lisan atau fizikal atau komunikasi bertulis yang berbentuk seksual yang memberi kesan secara langsung kepada status pekerjaan staf dan pembelajaran pelajar.

Gangguan seksual yang mengancam ketenteraman peribadi staf dan pelajar UNIMAS.

Merujuk kepada tingkah laku seksual yang dianggap oleh Pengadu sebagai ancaman, ugutan dan penghinaan, tetapi tidak mempunyai kaitan secara langsung dengan faedah-faedah pekerjaan atau pembelajaran.

Gangguan seksual di luar kampus universiti yang timbul daripada hubungan dan tanggungjawab yang berkaitan dengan pekerjaan dan pembelajaran di universiti. Situasi gangguan seksual seperti ini yang boleh berlaku merangkumi (tetapi tidak terhad kepada):

- a. Majlis sosial berhubung dengan tugas rasmi universiti;
- b. Semasa staf menjalankan tugas atau pelajar mengikuti tugas rasmi universiti;
- c. Sesi persidangan atau latihan berkaitan dengan tujuan pekerjaan dan pembelajaran;
- d. Semasa perjalanan berkaitan dengan tugas rasmi universiti; dan
- e. Melalui telefon dan media elektronik.

*Sexual harassment means any behavior of a sexual nature that is unwanted, unwelcome and has the effect of being a harassment whether physical, verbal, non verbal, visual, or psychological:*

- a. which for reasonable cause, which the complainant considers to be a condition of a sexual nature on his employment or education; or
- b. which for reasonable cause, may be regarded by the Complainant as a violation of dignity, or an insult or a threat to himself but has no direct connection to his employment or studies; and
- c. sexual harassment may occur once or repeatedly.

*Sexual harassment in this context is classified as follows:*

- a. Sexual harassment in the form of retaliation or quid pro quo
- b. Refers to sexual harassment, requests for sexual favours, or verbal or physical acts or written communications of a sexual nature that directly affect the status of staff employment and students' studies.

*Sexual harassment that threatens the personal peace of UNIMAS staff and students.*

*Refers to sexual conduct considered by the Complainant to be a threat, intimidation and insult, but not directly related to employment or educational benefits.*

*Sexual harassment outside the university campus arising from relationships and responsibilities related to employment and learning at the university. Such sexual harassment situations that can occur include (but are not limited to):*

- a. Social events related to the official duties of the university;
- b. While staff or students are on official duty of the university;
- c. Conference or training sessions related to employment and studies;
- d. During travel in connection with official university duties; and
- e. Through telephone and electronic media.

## **PERLAKUAN, KEADAAN ATAU PERBUATAN YANG TERJUMLAH KEPADA**

### **GANGGUAN SEKSUAL**

### **CONDUCT, CONDITION OR DEEDS INCLUDED IN SEXUAL HARASSMENT**

Jenis perlakuan, keadaan atau perbuatan yang boleh terjumlah kepada gangguan seksual, antara lainnya adalah seperti yang berikut:

- i. Gangguan Secara Fizikal  
Gangguan yang berbentuk sentuhan fizikal yang berunsur seksual seperti mendekati orang lain dalam jarak yang terlalu dekat sehingga orang tersebut berasa kurang selesa, memegang, memeluk, menepuk, menggosok, mencubit, mencium, menjilat atau meraba sehingga Pengadu berasa tersinggung, terhina atau terugut.
- ii. Gangguan Secara Lisan  
Bentuk gangguan ini dapat dilihat dalam penggunaan bahasa luach melalui perbualan, bercerita, berjenaka, membuat bunyi-bunyian, memberi kritikan, komen, pujian atau mengajukan soalan berunsur seksual ke atas penampilan, pakaian, tingkah laku, tubuh badan atau aktiviti seksual sehingga seseorang berasa tersinggung, terhina atau terugut untuk berurusan dengan Pegawai Awam berkenaan.
- iii. Gangguan Secara Isyarat (Bukan Lisan)

Bentuk gangguan ini dipamerkan melalui sikap atau perlakuan Pegawai Awam yang memberi maksud atau gambaran keinginan yang berunsurkan seksual, antara lain, seperti menjeling, menggoda, merenung, mengintai, menjilat bibir atau menggunakan bahasa isyarat yang lain.

iv. Gangguan Secara Visual

Perlakuan menghantar nota, surat, mel elektronik (e-mel), short messaging system (sms), multimedia messaging system (mms), gambar (foto), poster, objek atau bahan bacaan yang berunsur seksual yang diedarkan menerusi media elektronik, blog, vlog atau platform media sosial seperti aplikasi Facebook, WhatsApp, Twitter atau apa-apa aplikasi yang membolehkan bahan-bahan dipindahkan ke paparan umum dan terbuka atau melalui penggunaan apa jua peralatan media, peralatan elektronik atau peralatan komunikasi kepada Pengadu yang menyebabkan Pengadu berasa tersinggung, terhina atau terugut juga terjumlah kepada gangguan seksual.

v. Gangguan Secara Psikologi

Perbuatan cuba merapati secara seksual, mendorong, mendesak, mengugut atau memujuk rayu bagi memenuhi keinginan seksual Pegawai Awam sama ada melalui surat, telefon, e-mel atau sebarang bentuk peralatan komunikasi kepada Pengadu yang menimbulkan tekanan emosi dan mental ke atas Pengadu adalah terjumlah kepada gangguan seksual.

*Types of behaviour, conditions or acts that can contribute to sexual harassment, among others are as follows:*

a. Physical Harassment

*Harassment in the form of sexual physical contact such as approaching another person at such a close distance that the person feels uncomfortable, holding, hugging, patting, rubbing, pinching, kissing, licking or groping until the Complainant feels offended, insulted or threatened.*

b. Verbal Harassment

*This form of harassment can be seen in the use of obscene language through conversation, storytelling, jokes, making noises, criticising, commenting, praising or asking sexually explicit questions about appearance, dress, behaviour, body or sexual activity so that a person feels offended, insulted or threatened to deal with the Public Officer concerned.*

c. Non-Verbal Harassment

*This form of harassment is exhibited through the attitudes or behaviours of Public Officers who give meaning or depiction of sexual desires, among others, such as staring, flirting, staring, licking lips or using other sign language.*

d. Visual Harassment

*The act of sending notes, letters, electronic mail (e-mail), short messaging system (sms), multimedia messaging system (MMS), pictures (photos), posters, objects or reading materials of a sexual nature distributed through electronic media, blogs, vlogs or social media platforms such as Facebook, WhatsApp, Twitter or any other application that allows materials to be transferred to public and open display or through the use of any media equipment, electronic equipment or communication equipment to the Complainant that causes the Complainant to feel offended, humiliated or harassment also amounts to sexual harassment.*

e. Psychological Harassment

*The act of attempting to sexually approach, induce, urge, threaten or persuade to satisfy the sexual desires of a Public Officer whether by letter, telephone, email or any form of communication equipment to the Complainant which causes emotional and mental stress on the Complainant is tantamount to sexual harassment.*

## **PENASIHAT AKADEMIK**

### **Academic Advisor**

UNIMAS sentiasa memberi keutamaan kepada kecemerlangan akademik serta pembangunan sahsiah setiap pelajar. Salah satu pendekatan yang boleh membantu untuk merealisasikan matlamat tersebut ialah dengan mewujudkan hubungan dua hala antara pelajar dan pengajar di setiap fakulti melalui sistem penasihat akademik. Melalui sistem ini, pelajar diberi bimbingan dan nasihat oleh pensyarah (penasihat akademik) dalam pelbagai aspek terutamanya yang berkaitan dengan hal ehwal akademik. Sistem ini juga mengambil berat terhadap bimbingan lain yang diperlukan oleh pelajar untuk mengharungi cabaran bukan sahaja sebagai seorang pelajar tetapi juga sebagai seorang remaja yang menghadapi perubahan psikologi dan identiti. Penasihat Akademik memainkan peranan yang penting untuk membimbing dan memberi nasihat sebagai Penasihat Akademik serta contoh teladan yang baik kepada pelajar dalam pelbagai aspek. Keberkesan sitem ini amatlah bergantung kepada komitmen serta kerjasama antara kedua-dua pihak.

Melalui sistem ini, pelajar diberi bimbingan dan menerima nasihat berkaitan hal ehwal akademik, Penasihat akademik juga berkemampuan untuk mengenal pasti kesulitan pelajar yang berkaitan dengan masalah akademik untuk dirujuk kepada pihak tertentu yang mempunyai kepakaran dalam menyelesaikan masalah yang dihadapi.

Seorang Penasihat Akademik boleh membantu pelajar merancang skema pengajian, membuat pemilihan kursus, memahami kurikulum, sistem semester, sistem pendaftaran, sistem peperiksaan dan pengecualian kursus. Pelajar boleh membuat janji temu dengan Penasihat Akademik masing-masing yang boleh dihubungi melalui emel ataupun melalui panggilan telefon (sila rujuk alamat emel dan no. telefon pensyarah di hal. 5-6).


Pelajar digalakkan berjumpa terus dengan Penasihat Akademik masing-masing untuk mendapatkan bimbingan serta nasihat dalam hal ehwal akademik dan masalah berkaitan. Temu janji boleh dilakukan dengan Penasihat Akademik mengikut kesesuaian masa yang telah ditetapkan.

*UNIMAS has always given priority to academic excellence as well as the development of each student's character. One of the approaches that can help to realize the goal is to create a two-way relationship between students and faculty through the Academic Advisor System. Through this system, students are given guidance and advice by lecturers (advisors) holistically especially related to academic affairs. The system also helps to guide the students in facing challenges not only as a student but also as a teenager who is faced with psychological and identity change. Lecturers play an important role as Advisors and also a Positive Role Model to students in various aspects. The effectiveness of the system depends largely on the commitment and cooperation between the two parties.*

*Through this system, students are given guidance and receive advice in academic affairs. Advisors are also able to identify related problems that may cause academic problems to be referred to certain parties who have the expertise to solve the problems faced.*

*An Academic Advisor helps the students to plan their study schemes, provide advice on making course selections, understanding the curriculum, semester system, registration, exam system and course exclusion. Students can make appointments with their respective advisors who can be contacted via email or by phone (please refer to the email address and lecturer's phone number on page 5-6).*

*Students are encouraged to meet with their respective Academic Advisor for guidance and advice on academic affairs and related issues. An appointment can be made with the Academic Advisor are subjected to the convenience of both parties.*



## **PERATURAN ARTIKULASI, PEMINDAHAN KREDIT DAN PENGECUALIAN**

### ***Articulation Regulations, Credit Transfer and Exemptions***

Pindah Gred adalah tertakluk kepada kelulusan pihak FPBK, permohonan Pindah Gred oleh pelajar hanya dibenarkan bagi situasi-situasi yang berikut:

- a. Bagi pelajar yang sedang mengikuti program di UNIMAS:
  - i. Pelajar bertukar program pengajian di UNIMAS.
  - ii. Pelajar yang mengikuti program mobiliti.
- b. Bagi pelajar sedang mengikuti program di IPT lain:
  - i. Pelajar daripada IPT lain menyambung pengajian di UNIMAS pada peringkat dan program yang sama.
  - ii. Pelajar daripada IPT lain menyambung pengajian di UNIMAS pada peringkat yang sama tetapi program yang berlainan.

Bagi permohonan Pindah Gred, syarat-syarat umum yang berikut perlu dipatuhi:

- a. Gred lulus minimum kursus terlibat yang boleh dipindah gred ialah Gred C;
- b. Kesetaraan antara kandungan kursus mestilah tidak kurang daripada 80%;
- c. Kandungan kursus yang dibenarkan untuk disetarakan tidak melebihi dua (2) kursus jika digabungkan dan jumlah kredit tidak kurang daripada nilai kredit kursus yang akan disetarakan.
- d. Keputusan yang digunakan untuk pindah kredit hendaklah keputusan bagi dalam masa lima (5) tahun yang terkini;
- e. Nilai kredit kursus bagi program terdahulu hendaklah sama atau lebih daripada nilai kredit kursus bagi program yang diikuti;
- f. Kursus yang dipohon untuk dipindahkan gred hendaklah daripada program pengajian yang telah mendapat Perakuan Akreditasi;
- g. Bagi Kursus Elektif Universiti, pindah gred hanya akan diambil kira jika kursus tersebut merupakan kursus Elektif Fakulti; dan
- h. Pelajar yang bertukar universiti perlu mengikuti pengajian di UNIMAS sekurang-kurangnya dua (2) semester sebelum permohonan pindah gred dapat dilakukan. Walau bagaimanapun, syarat ini tidak terpakai ke atas pelajar semasa yang bertukar program/fakulti.
- i. Tiada had pindah gred ditetapkan, kecuali bagi program-program akademik yang diiktiraf oleh badan professional, yang mana had pindah gred adalah tertakluk kepada piawaian yang telah ditetapkan oleh badan profesional yang berkenaan.
- j. Gred yang diperoleh bagi kursus terdahulu diberikan kepada kursus yang diluluskan pemindahan gred. Gred berkenaan kemudiannya diguna pakai untuk kiraan PNGK pelajar berkenaan dalam pengajian seterusnya.
- k. Pindah Gred dan Kredit TIDAK DIBENARKAN bagi kes-kes pelajar yang diberhentikan daripada pengajian atas sebab kegagalan akademik dan kemudiannya menyambung semula pengajian dalam program yang lain.

*Credit transfer is subject to the approval of FELC. The application for credit transfer is approved based on the following:*

- (a) For current UNIMAS students:
  - i. Students who wish to change their study programme in UNIMAS.
  - ii. Students who are undergoing mobility programme
- (b) For students from other higher learning institutions:
  - i. Students from other higher learning institutions in the same level of study who wish to further their studies in the same programme in UNIMAS.
  - ii. Students from other higher learning institutions in the same level of study who wish to further their studies in a different programme in UNIMAS

For the application of credit transfer, the following are the general requirements:

- (a) The minimum passing grade for the affected course is C;
- (b) The content must be more than 80% aligned;
- (c) The content of the course allowed to be aligned does not exceed two (2) courses if combined and the amount of credit is not less than the credit value of the course to be aligned;
- (d) The results used for credit transfer must be within the past five (5) years;
- (e) The course credit value of the previous programme must be equal to or more than the course credit value of the programme followed;
- (f) Courses applied for grade transfer must be from a programme of study that has obtained an Accreditation Certificate;
- (g) For University Elective Courses, grade transfer will only be taken into account if the course is a Faculty Elective course; and
- (h) Students who change universities must study at UNIMAS for at least two (2) semesters before a transfer application can be made. However, this condition does not apply to current students who change programmes / faculty.
- (i) No grade transfer limit is set, except for academic programmes recognized by the professional body, where the grade transfer limit is subject to the standards set by the relevant professional body.
- (j) Grades obtained for previous courses are given to courses approved for grade transfer. The grade is then applied to the student's CGPA calculation in the next study plan.
- (k) Transfer of Grades and Credits are NOT ALLOWED for cases of students who have been expelled from their studies due to academic failure and subsequently resumed their studies in other programmes.

# **Program Mobiliti Pelajar**

## *Student Mobility Programme*

Memberi peluang kepada pelajar UNIMAS untuk mengikuti pembelajaran di samping menimba pengalaman di luar negara serta mendedahkan mereka kepada sosio-budaya dan persekitaran yang berbeza.

**1**

*Provide opportunities to UNIMAS students to pursue learning as well as gaining experience abroad while at the same time exposing them to different socio-cultural experiences and environments.*

**2**

Mengembangkan wawasan pelajar dengan memberi peluang untuk menonjolkan bakat, mengetengahkan cara pemikiran serta meningkatkan keyakinan diri.

*Develop student insights by giving opportunities to showcase their talent, highlighting the way of thinking and improving self-esteem.*

**3**

Menggalakkan penglibatan pelajar UNIMAS dalam sistem pengajian tinggi yang global, kompetitif dan mencabar.

*Encourage the involvement of UNIMAS students in a global, competitive and challenging higher education system.*

**4**

Program Mobiliti Berkredit dan Tanpa Kredit untuk program mobiliti secara outbound (ke luar negara) dan terbuka kepada pelajar prasiswazah dan siswazah.

*The credited and non-credited Mobility Program are for outbound (overseas) programs and are eligible for both undergraduate and graduate students.*

**5**

Menggalakkan pelajar UNIMAS mengambil peluang sedia ada untuk mengikuti program mobiliti dengan universiti / institusi luar negara yang mempunyai hubungan kerjasama dengan UNIMAS melalui MoU/MoA seperti Indonesia, Korea, Jepun dan lain-lain

*Encourage UNIMAS students to take advantage of existing opportunities to join mobility programs with universities / overseas institutions that are in collaboration with UNIMAS through MoU / MoA such as Indonesia, Korea, Japan and others.*



Untuk penjelasan lanjut berkaitan program ini boleh berhubung dengan Penyelaras Program.

Maklumat lanjut boleh di dapat dari <https://www.global.unimas.my/international/mobility>.

*For further inquiries on this program may refer to the Program Coordinator. More information can be found at <https://www.global.unimas.my/international/mobility>.*

## **PROGRAM MOBILITI PELAJAR DI FAKULTI PENDIDIKAN, BAHASA DAN KOMUNIKASI**

*Student Mobility Program at the Faculty of Education, Language and Communication*



Pelajar-pelajar di Fakulti Pendidikan, Bahasa dan Komunikasi (FPBK) berpeluang untuk mengikuti aktiviti Program Mobiliti Pelajar yang dianjurkan oleh fakulti dengan kerjasama rakan strategik universiti dari pelbagai negara di rantau Asia termasuklah Jepun. Dua Program Mobiliti Pelajar yang popular di FBK ialah International Intercultural Expedition Camp (IIEC) dan juga EduTour Program.

*Students at the Faculty of Education, Language and Communication (FELC) have the opportunity to participate in the Student Mobility Program organized by the faculty in collaboration with the university's strategic partners from various countries in the Asian region including Japan. The two popular Student Mobility Programmes are International Intercultural Expedition Camp (IIEC) and EduTour Program.*

### **International Intercultural Expedition Camp (IIEC)**

Program ini diperkenalkan pada tahun 2019 dan telah mendapat sambutan yang menggalakkan lebih daripada 100 pelajar dari UNIMAS, Thailand, Laos, Indonesia, Brunei dan Yaman. Antara objektif program IIEC adalah:

- Menjalinkan hubungan yang baik antara pelajar UNIMAS dan pelajar-pelajar rakan strategik universiti di rantau Asia melalui aktiviti dalam kumpulan dan lawatan ke beberapa tempat menarik di sekitar Kuching
- Meningkatkan kefahaman dan memupuk rasa hormat dalam kalangan pelajar tentang keunikan budaya, nilai, bahasa serta adat resam masyarakat berbilang kaum di Sarawak dan juga pelajar dari luar negara.

*This program was introduced in 2019 and has received encouraging response from more than 100 students from UNIMAS, Thailand, Laos, Indonesia, Brunei and Yemen.*

*Among the objectives of IIEC are:*

- Forging good relationships between UNIMAS students and students from university's strategic partners in the Asian region through team building activities and visit to interesting places around Kuching
- Promoting understanding and mutual respects among students about cultural diversity, values, language, customs and tradition of different ethnic groups in Sarawak and vice-versa.

**Program Mobiliti EduTour  
EduTour Mobility Program**



Program Mobiliti EduTour bertujuan untuk memperkasakan pengalaman pembelajaran pelajar-pelajar dari Utsonomiya University, Jepun dan UNIMAS. Program ini telah dianjurkan tiga tahun berturut-turut - 2018, 2019 dan 2020 di kampus UNIMAS. Namun, penularan wabak Covid-19 hampir menyebabkan siri ke-4 terpaksa ditangguhkan. Walaubagaimana pun, pihak Utsonomiya University, Jepun dan UNIMAS telah bersetuju untuk meneruskan program dalam norma baharu iaitu secara atas talian dan dinamakan sebagai e-EduTour 2021. Pelajar-pelajar UNIMAS berpeluang mengambil bahagian dalam program ini sebagai 'buddy' kepada rakan-rakan dari Jepun.

Antara objektif program ini adalah:

- memberi pengalaman belajar yang lebih bermakna dan berharga kepada pelajar UNIMAS dan pelajar dari universiti rakan strategik
- membolehkan peserta untuk mengaplikasi pengetahuan yang dipelajari dari kursus-kursus yang dipelajari dan dalam masa yang sama bertukar maklumat mengenai budaya, tradisi, makanan, nyanyian dan tarian melalui aktiviti yang dijalankan sepanjang program

*The EduTour is a student mobility programme which aims to enhance the learning experience for both Utsonomiya University, Japan and UNIMAS students. The EduTour programme was successfully conducted for three consecutive years - 2018, 2019 and 2020 in UNIMAS campus. However, the Covid-19 pandemic nearly hindered the programme from continuing for the 4th time. Nevertheless, the program was given a new life in a new normal environment where it was conducted fully online and aptly named e-EduTour 2021. UNIMAS students get to participate in this program by becoming buddies to the Japanese students.*

Among the objectives of the program are:

- to provide meaningful and memorable university learning experience for both UNIMAS and the partner university students.
- to enable participants to apply the knowledge learnt in their courses as well as exchange information about their cultures, traditions, cuisines, songs, and dances through the activities conducted throughout the programme.

## **PERKHIDMATAN SOKONGAN PELAJAR DAN AKTIVITI KOKURIKULUM**

*Student Support Services and Co-Curriculum Activities*

SEMUA pelajar program Ijazah Sarjana Muda di FPBK akan dibekalkan dengan kemudahan sokongan seperti yang disediakan kepada semua pelajar UNIMAS.

*ALL student with a bachelor's degree programme will be provided with the support facilities provided to all UNIMAS students.*

Maklumat tentang kemudahan pelajar boleh diakses melalui laman web berikut: / *Information about student facilities can be accessed through the following website: <http://www.hep.unimas.my>*

**KALENDAR AKADEMIK SESI 2023/2024**

*Academic Calendar for 2023/2024*



**KALENDAR AKADEMIK PENGAJIAN IJAZAH SARJANA MUDA SESI 2023/2024**  
*(ACADEMIC CALENDAR FOR UNDERGRADUATE STUDIES SESSION 2023/2024)*

<b>Aktiviti /Activity</b>	<b>SEMESTER 1</b>	
	<b>Tarikh</b>	<b>Catatan</b>
<b>Pendaftaran Pelajar Baharu</b> <i>(New Student Registration)</i> <b><u>Online Registration</u></b>	<b>20 Sep 2023 – 1 Okt 2023</b> (12 hari / 12 days)	<b>28 September 2023 (28 September 2023)</b> • Hari Keputeraan Nabi Muhammad S.A.W (Maulidur Rasul)
<b>Pendaftaran Kolej Kediaman Pelajar Baharu</b> <i>(Residential College Registration)</i>	<b>30 Sept 2023 – 1 Okt 2023</b> (2 hari/2 days)	
<b>Minggu Aluan Pelajar</b> <i>(Student's Orientation Week) / Hari Bersama fakulti</i>	<b>2 Okt 2023 – 4 Okt 2023</b> (3 hari/3 days)	
<b>Pendaftaran Online Pelajar Semasa</b> <i>(Returning Student's Registration)</i> <b><u>Online Registration</u></b>	<b>3 Okt 2023 – 8 Okt 2023</b> (6 hari/6 days)	
<b>Pendaftaran Kolej Kediaman Pelajar Semasa</b> <i>(Returning Student's Residential College Registration)</i>	<b>7 Okt 2023 – 8 Okt 2023</b> (2 hari/2 days)	
<b>Perkuliahan</b> <i>(Lectures)</i>	<b>9 Okt 2023 – 26 Nov 2023</b> (7 minggu/7 weeks)	<b>14 Oktober 2023 (14 October 2023)</b> • Hari Jadi TYT Sarawak (Sarawak Governor's Birthday)  <b>12 November 2023 (24 November 2023)</b> • Hari Deepavali (Semenanjung Malaysia sahaja)
<b>Cuti Pertengahan Semester 1</b> <i>(Mid-Semester Break)</i>	<b>27 Nov 2023 – 3 Dis 2023</b> (7 hari/ 7 days)	
<b>Perkuliahan</b> <i>(Lectures)</i>	<b>4 Dis 2023 – 21 Jan 2024</b> (7 minggu/ 7 weeks)	<b>25 &amp; 26 Disember 2023 (25 &amp; 26 December 2023)</b> • Hari Krismas (Christmas)  <b>1 Januari 2024 (1 January 2024)</b> • Cuti Tahun Baharu 2024 (New Year)
<b>Minggu Ulangkaji</b> <i>(Revision Week)</i>	<b>22 Jan 2024 – 28 Jan 2024</b> (7 hari/ 7 days)	
<b>Minggu Peperiksaan</b> <i>(Examination Week)</i>	<b>29 Jan 2024 – 18 Feb 2024</b> (3 minggu/3 weeks)	<b>10, 11 &amp; 12 Februari 2024 (10, 11 &amp; 12 February 2024)</b> • Tahun Baru Cina (Chinese New Year)
<b>Cuti Semester 1</b> <i>(Semester Break)</i>	<b>19 Feb 2024 – 17 Mac 2024</b> (4 minggu /4 weeks)	

**KALENDAR AKADEMIK SESI 2023/2024**

*Academic Calendar for 2023/2024*

<i>Aktiviti /Activity</i>	<b>SEMESTER 2</b>	
	<b>Tarikh</b>	<b>Catatan</b>
<b>Pendaftaran Online Pelajar Semasa</b> <i>(Returning Student 's Registration/Online Semester Registration)</i>	<b>12 Mac 2024 – 15 Mac 2024</b> (4 hari/4 days)	
<b>Pendaftaran Kolej Kediaman Pelajar Semasa</b> <i>(Returning Student's Residential College Registration)</i>	<b>16 Mac 2024 – 17 Mac 2024</b> (2 hari/2 days)	
<b>Perkuliahan</b> <i>(Lectures)</i>	<b>18 Mac 2024 – 5 Mei 2024</b> (7 minggu/ 7 weeks)	<b>29 Mac 2024 (29 March 2024)</b> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Good Friday</li> </ul> <b>10 &amp; 11 April 2024 (10 &amp; 11 April 2024)</b> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Hari Raya Aidilfitri (<i>Eid Mubarak</i>)</li> </ul> <b>1 Mei 2024 (1 May 2024)</b> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Cuti Hari Pekerja (<i>Labour Day</i>)</li> </ul>
<b>Cuti Pertengahan Semester 2</b> <i>(Mid-Semester Break)</i>	<b>6 Mei 2024 – 12 Mei 2024</b> (7 hari/ 7 days)	
<b>Perkuliahan</b> <i>(Lectures)</i>	<b>13 Mei 2024 – 30 Jun 2024</b> (7 minggu/ 7 weeks)	<b>22 Mei 2024 (22 May 2024)</b> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Hari Wesak (<i>Wesak Day</i>)</li> </ul> <b>1, 2 &amp; 3 Jun 2024 (1, 2 &amp; 3 June 2024)</b> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Hari Gawai (<i>Gawai Day</i>)</li> </ul> <b>3 Jun 2024 (3 June 2024)</b> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Hari Keputeraan YDP Agong (<i>Agong's Birthday</i>)</li> </ul> <b>17 Jun 2024 (17 June 2024)</b> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Hari Raya Aidiladha (<i>Eid al-Adha</i>)</li> </ul>
<b>Minggu Ulangkaji</b> <i>(Revision Week)</i>	<b>1 Jul 2024 – 7 Jul 2024</b> (7 hari/ 7 days)	
<b>Minggu Peperiksaan</b> <i>(Examination Week)</i>	<b>8 Jul 2024 – 28 Jul 2024</b> (3 minggu/ 3 weeks)	<b>8 Julai 2024 (8 July 2024)</b> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Awal Muhamarram</li> </ul> <b>22 Julai 2024 (22 July 2024)</b> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Hari Sarawak (<i>Sarawak Day</i>)</li> </ul>
<b>Cuti Panjang</b> <i>(Long Break)</i>	<b>29 Jul 2024 – 6 Okt 2024</b> (10 minggu/ 10 weeks)	

<i>Aktiviti /Activity</i>	<b>ANTARSESI</b>	
	<b>Tarikh</b>	<b>Catatan</b>
<b>Pendaftaran Pelajar Semasa</b> <i>(Returning Student 's Registration)</i> <i>Online Semester Registration</i>	<b>29 Jul 2024 – 4 Ogos 2024</b> (1 minggu/ 1 weeks)	
<b>Perkuliahan</b> <i>(Lectures)</i>	<b>29 Jul 2024 – 22 Sept 2024</b> (8 minggu/ 8 weeks)	
<b>Latihan Industri</b>	<b>29 Jul 2024 – 6 Okt 2024</b> (10 minggu/ 10 weeks)	

**Nota:** Kelulusan Senat Bil 02/2023 ke-211 bertarikh 22 Februari 2023

Disediakan oleh:

**Unit Pengambilan dan Kemasukan**  
**Bahagian Pengajian Prasiswa Universiti Malaysia Sarawak**

**NOMBOR TELEFON KECEMASAN FPBK****FELC Emergency Telephone Numbers**

1.	Profesor Dr. Ambigapathy Pandian Dekan   <i>Dean</i>	082-581749
2.	Dr Ernisa Marzuki Timbalan Dekan (Penyelidikan & Pengkomersilan)   <i>Deputy Dean (Research &amp; Commercialization)</i>	082-581748
3.	Dr. Zuraini Seruji Timbalan Dekan (Hal Ehwal Pelajar & Alumni)   <i>Deputy Dean (Student Affair &amp; Alumni)</i>	082-581761
4.	Dr. Dayang Aizza Maisha Abang Ahmad Timbalan Dekan (Hubungan Industri & Komuniti)   <i>Deputy Dean (Industry &amp; Community Engagement)</i>	082-581762
5.	Dr. Dilah Tuah Timbalan Dekan (Prasiswazah)   <i>Deputy Dean (Undergraduate)</i>	082-581752
6.	Encik Ahmed Shamsul Bahri Mohamad Tuah Penyelaras Program Linguistik   <i>Linguistics Programme Coordinator</i>	082-592601
7.	Cik Khadijah Mohamad Tuah Penyelaras Program Komunikasi Strategik   <i>Strategic Communication Programme Coordinator</i>	082-582623
8.	Dr. Joseph Ramanair Penyelaras Program Bahasa Inggeris untuk Komunikasi Global   <i>English for Global Communication Programme Coordinator</i>	082-592688
9.	Encik Asri bin Ali Penolong Pendaftar   <i>Assistant Registrar</i>	082-581774
10.	Talian Hotline Bahagian Keselamatan UNIMAS UNIMAS Security Division Hotline	082-581999
11.	Pos Pengawal UNIMAS UNIMAS Security Post	082-583904
12.	Pusat Kesihatan UNIMAS UNIMAS Health Centre	082-581604
13.	Bilik Kawalan CCTV UNIMAS UNIMAS CCTV Control Room	082-581004
14.	Balai Polis Kota Samarahan Samarahan Police Station	082-662300
15.	Balai Polis Kuching Kuching Police Station	082-244444
16.	Balai Bomba Kota Samarahan Samarahan Fire Station	082-673881

## **FASILITI FAKULTI**

*Faculty Facilities*

Lobi Fakulti – Aras G  
*Faculty Lobby – G Floor*



Bilik Perundingan – Aras 1  
*Consultation Rooms – 1st Floor*



Bilik Tutorial (TR) 1-10 (Aras G & 1)  
*Tutorial Rooms (TR) 1-10 (G & 1st Floor)*



Bilik Teater Multimedia (TMM) – Aras G  
*Multimedia Theater-G Floor*



Makmal Komputer – Aras 1  
*Computer Labs – 1st Floor*



Surau – Aras 2  
*Prayer Rooms – 2nd Floor*



**JAWATANKUASA KECIL BUKU PANDUAN FPBK SESI 2023/2024**  
*FELC 2023/2024 Student Guidebook Committee*

**Disediakan oleh:**  
*Prepared by:*

**Penasihat :** Prof. Dr. Ambigapathy Pandian

**Ketua Pengarang :** Dr. Remmy Gedat & Dr Dilah Tuah

**Timbalan Pengarang :** Dr. Ernisa Marzuki

**Pengarang :**

Dr. Zuraini Seruji

Dr. Dayang Aizza Maisha Abang Ahmad

Encik Ahmed Shamsul Bahri Mohammad Tuah

Cik Khadijah Mohammad Tuah

Dr Joseph Ramanair

Uztazah Kazimah Kadai

Cik Noorfarida Saini

Puan Zeckqualine Melai

Tn Hj Fairuz Hj Ali

Encik Lam Kai Chee

Encik Asri Ali

Encik Dabif Jack Shaw

Encik Ghazali Ahmad